

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA MAJLIS PELANCARAN PUSAT IT DAN HOME PAGE TAMAN EQUINE,
DI TAMAN EQUINE
29 APRIL 1999

Terlebih dahulu saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izinnya kita dapat bersama-sama menghadiri majlis ini pada hari ini, saya juga ingin mengambil peluang untuk mengucapkan terima kasih kepada pihak pengurusan Taman Equine, khasnya Datuk Patrick Lim, kerana sudi menjemput saya untuk perasmian hari ini.

2. Saya difahamkan projek perumahan ini menyediakan sebanyak 1500 unit rumah kos rendah dan kos sederhana dan ianya akan disiapkan 10 bulan lebih awal daripada yang dijadualkan. Saya juga diberitahu bahawa 90% unit rumah telah pun habis dijual. Ini satu lagi petanda bahawa ekonomi kita sedang pulih kerana rakyat masih mempunyai kuasa membeli, ataupun purchasing power, walaupun kita telah dilanda krisis ekonomi selama hampir dua tahun. Bank-bank kita masih lagi mampu membiayai projek-projek seperti ini dan pemaju-pemaju juga mampu menyiapkan projek-projek mereka sebelum jadual.

3. Kita dapat menikmati semua ini pada hari ini kerana kerajaan dibawah pimpinan YAB Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah mengambil langkah-langkah berani dan tersendiri untuk mengatasi masalah kewangan dan memulihkan ekonomi. Sekiranya kita tidak bertindak pantas dan mengharap nasihat IMF, masalah ini mungkin berjangkit menjadi satu masalah sosio-politik dan mengheret negara ke arah kehancuran. Dalam pada itu, masih ada juga rakyat kita yang ingin melihat ini berlaku tetapi saya percaya hampir semua rakyat Malaysia mahukan keamanan dan ekonomi negara pulih secepat mungkin. Kita perlu berwaspada dengan golongan yang cuba menimbulkan keadaan huru-hara ini kerana mereka masih kecewa disebabkan hajat mereka tidak kesampaian.

4. Pada mulanya langkah-langkah yang telah kita ambil telah dikecam oleh pelbagai pihak dari luar dan dalam negara. Kerajaan, Melalui Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), telah berikhtiar dan bertungkus lumus untuk memastikan rakyat kita tidak menderita dan institusi-institusi kewangan kita tidak diambil alih oleh orang asing. Allahamduhulillah, kita telah dapat mempertahankan ekonomi negara kita dan semua ini adalah berkat kerjasama yang telah diberikan oleh rakyat kepada kerajaan.

5. Sepertimana kita maklum, krisis ekonomi yang melanda jiran kita telah menyebabkan pertumpahan darah, rusuhan kaum dan rakyatnya jatuh miskin dan menderita.

6. Kita memang bersimpati dengan nasib yang menimpa rakyat jiran kita itu. Tetapi pada masa yang sama, kita patut bersyukur kepada hadrat Allah S.W.T. kerana negara kita telah dapat mengatasi kemelut ini atas usaha kerajaan melalui MTEN serta jemaah menteri yang telah mengambil langkah-langkah yang tepat untuk mengatasi masalah yang kita hadapi.

Tuan-tuan dan puan-puan,

7. Kerajaan akan terus berusaha untuk merangka dasar- dasar untuk kebaikan rakyat dan membela golongan yang miskin dan berpendapatan rendah. Kerajaan tidak akan mengabaikan tanggungjawab ini terutamanya dalam menyediakan rumah-rumah untuk golongan yang berpendapatan rendah. Misalnya kerajaan telah menyediakan peruntukan tambahan sebanyak RM600 juta untuk program perumahan awam kos rendah. Untuk itu sebanyak 35 ribu unit akan dibina sebagai sebahagian daripada strategi penempatan semula setinggan. Sebanyak 15 ribu unit lagi akan dibina di bawah program pemulihan rumah untuk menampung keperluan perumahan golongan miskin luar bandar.

8. Untuk kategori rumah kos rendah ini, sebanyak 90,032 unit atau 45 peratus daripada sasaran telah siap dibina. Daripada jumlah ini 26,774 unit atau 44.6 peratus dibina oleh sektor awam.

9. Penubuhan Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) pada tahun 1997 dengan modal sebanyak RM2 billion, di jangka meningkatkan lagi penawaran rumah berharga RM150,000 dan ke bawah. Sehingga oktober 1998, spnb telah meluluskan RM733 juta pinjaman titian untuk membina 50,725 unit rumah yang terdiri daripada 13,644 unit rumah kos rendah, 13,482 unit kos sederhana rendah dan 35,599 unit kos sederhana.

Tuan-tuan dan puan-puan,

10. Pada petang ini di sini para penduduk taman equine yang akan mendiami taman ini akan memperolehi satu lagi kemudahan. Walau bagaimanapun kemudahan ini bukan disediakan oleh kerajaan tetapi disediakan oleh pemaju taman ini. Saya diberitahu pemaju taman equine menyediakan empat pusat I.T. untuk penduduk-penduduknya. Saya mengalu-alukan langkah yang diambil oleh pemaju taman equine. Ini satu contoh peranan pihak swasta yang sentiasa peka dengan seruan kerajaan yang mahukan rakyatnya "kenal I.T., cintai I.T." kerajaan sentiasa mencari jalan untuk menaikkan taraf hidup golongan berpendapatan rendah. Selain usaha kerajaan, golongan korporat juga telah banyak membantu usaha kerajaan ke arah itu. Amalan ini hendaklah dijadikan budaya dalam dunia korporat selain mencari keuntungan.

11. Kepada ibubapa pula mereka harus mengambil berat dan mendidik anak-anaknya supaya cenderung dan berminat dalam bidang I.T. minat yang dipupuk semasa zaman kanak-kanak akan memastikan apabila mereka dewasa nanti mereka akan mempelopori bidang ini. Buat seketika, cuba kita bayangkan Malaysia pada tahun 2015. Pada ketika itu setiap ibubapa dan anak-anak kita telah mahir menggunakan komputer dan di setiap rumah pula mempunyai komputer. Mungkin inikah yang akan berlaku di setiap rumah setiap hari;

"The child logs on and goes on to the net. He draws graphs for his mathematical charts; he creates a cartoon movie for his class project; he learns about the white spotted kukabura; he hears the national anthems of different countries; he chats with pen-pals half way across the globe; he learns about the great religions of the world, about the history of mankind - all at the touch of a finger tip. Their quest for knowledge will know no limits; their desire to learn cannot be shackled. Then imagine. The mother comes in. Either after cooking the evening meal or from a day at work. She logs on, hooks on to the nearest convenience store and keys in her

grocery requirements; then she drops an e-mail to the daughter studying in london or the latest reviews of new movies"

12. "Imagine again. The father. He wants to know the latest on the stock market; or maybe he wants to catch up with new developments in architecture or new automobiles; maybe he wants to finish the project paper and send it to the office for submission to the authorities by the next dawn. Imagine.. A Malaysia where the masses make the fullest use of the multimedia technology from the comfort of their homes".

13. "I applaud the developers who have today taken this innovative step in providing I.T. centres. It is a step for the future made today. I.T. is not for the rich alone; neither is I.T. for the working man only. I.T. is for the masses. I.T. is a tool that will make our lives easier; that will widen our horizons; that will spur our development as a nation and as a people".

14. Oleh yang demikian, saya patut memuji pemaju taman equine yang menyediakan empat pusat I.T. untuk mereka yang akan mendiami taman ini. Saya ingin menyeru para penduduk supaya menggunakan pusat ini dengan sebaik-baiknya dan mengambil peluang ini untuk memahirkan diri dengan komputer. Gunakanlah kemudahan komputer untuk tujuan yang baik dan bukan tujuan yang lain seperti menulis surat-surat layang dan menabur fitnah melalui internet.

Tuan-tuan dan puan-puan,

15. Semua pihak tentu bersetuju bahawa kebersihan adalah perkara yang baik. Tidak guna kita mempunyai nama-nama taman yang indah-indah tetapi aspek kebersihannya masih diabaikan. Saya terpaksa menyebut perkara ini sekali lagi kerana setelah sembilan hari kempen anti-nyamuk dan kebersihan nasional yang saya lancarkan di RTM, saya masih belum berpuas hati dengan tahap peningkatan kesedaran orangramai terhadap kempen terutamanya bagi para penduduk taman-taman perumahan. Kita perlu ingat bahawa kebersihan taman-taman perumahan yang kita sendiri diami memerlukan usaha semua pihak dan bukan sahaja dibuat oleh pihak berkuasa tempatan. Penghuni-penghuni rumah dan kedai-kedai hendaklah bersama-sama memelihara dan menjaga kawasan masing-masing sehingga ke tepi jalan di hadapan rumah masing-masing. Kita tidak perlu orang lain melakukan pembersihan itu memadailah kita sendiri melakukannya tanpa dipaksa. Saya percaya di setiap kawasan perumahan mempunyai jawatankuasa penduduknya sendiri. Elok saya cadangkan di sini supaya sehari dalam setiap bulan diadakan gotong royong membersihkan taman perumahan mereka. Pihak pemaju juga patut bertanggungjawab dalam soal kebersihan ini. Yang saya paling kecewa ialah masih ada pemaju perumahan dan kontraktor yang sengaja membiarkan kawasan perumahan mereka kotor setelah semua unit rumah dijual. Mereka patut juga bertanggungjawab dalam soal ini.

16. Dengan kata-kata itu, saya dengan lafaz bismillahirrahmanirrahim, saya melancarkan pusat I.T. dan Homepage Taman Equine ini.

Terima kasih.